

BULETIN KPKT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BIL 1/2014



Skim MyHome Dilancar



PELAN TINDAKAN NBOS
KOTA BELUD

Muka surat 4



FENOMENA *BUSKING*
DI MALAYSIA

Muka surat 12



SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam

Noraidah Mohd Noor
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Bahagian Kesejahteraan Bandar
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar
Bahagian Inspektorat
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Bahagian Akaun
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Unit Audit Dalam
Unit KPI
Unit Integriti

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada
warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan ke:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : (603) 8891 5556

Faks : (603) 8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

Portal : www.kpkt.gov.my

Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

Tinta Pena



Sidang Redaksi

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia kepada para pembaca khususnya kepada warga Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bersama teraju baharu, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Datuk Halimah Mohamed Sadique, KPKT melangkah dengan lebih gah dan bergaya dan meninggalkan tahun 2013 dengan pelbagai kejayaan dan pencapaian yang membanggakan. Antara pencapaian-pencapaian tersebut ialah penganjuran Bengkel Inisiatif Menurunkan Harga Rumah, penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Penyediaan Rumah Mampu Milik, pemantapan program pengurusan sisa pepejal, kesinambungan kejayaan inisiatif *My Beautiful Neighbourhood*, dan pengenalan Program Rumah Transit di bandar.

Bagi tahun 2014, KPKT berusaha untuk menyemarakkan lagi program dan aktiviti sedia ada dan memantapkan perancangan program dan aktiviti baharu. Perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti ini menuntut kerjasama dan komitmen setiap lapisan warga KPKT sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sehubungan dengan itu, seluruh warga KPKT harus mengembleng tenaga untuk terus meningkatkan tahap pencapaian kualiti perkhidmatan kementerian ini, bekerja dengan penuh keikhlasan, berilmu pengetahuan dan bertanggungjawab.

Dengan cara ini, KPKT akan mencatatkan lebih banyak pencapaian dan kejayaan sepanjang tahun 2014. Sama-samalah kita berdoa dan berusaha untuk menjadikan KPKT sebuah organisasi yang cemerlang demi kesejahteraan rakyat dan Malaysia negara tercinta.

Dikesempatan ini juga, sidang redaksi dan seluruh warga KPKT turut melahirkan rasa simpati atas kehilangan pesawat MH370 dan berharap ahli-ahli keluarga penumpang tabah untuk menghadapi situasi ini. Kami berdoa semoga pencarian pesawat tersebut akan berhasil dan sekaligus menjawab segala tanda tanya yang ada dalam kotak fikiran kita mengenai misteri insiden ini.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Volume 1/2014

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



INCENTIVE: First-time housebuyers to get up to RM30,000 to cover 10percent deposit under the scheme

First-Time housebuyers can now enjoy up to RM30,000 in incentives for each of the 10,000 low-cost housing units offered under the Private Affordable Ownership Housing Scheme (MyHome) from April 1. In launching the latest programme on March 27, Urban Wellbeing, Housing and Local Government Minister, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan said the units, measuring between a minimum of 800 and 850 square feet, would be equipped with three (3) bedrooms and two (2) bathrooms each. The RM30,000 incentive per unit will help lessen the burden of first-time affordable home buyers to cover the 10 per cent deposit required after the sales and purchase (S&P) agreement is signed, due to a sharp rise in house prices at this point.

The Minister said the latest units offered to first-time buyers affirmed the government's commitment to provide affordable houses for those in need, especially households with low and middle incomes. These homes will be built using the government's allocation of RM300 million. They are part of the commitment by the government made last year that one (1) million affordable homes would be

built within five (5) years with collaboration from 1Malaysia People's Housing (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) and National Housing Department (JPN).

This MyHome scheme is the brainchild of Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, who announced it during the tabling of the 2014 Budget. Datuk Abdul Rahman said to ensure its success, the government would not hesitate to provide more allocation in the coming years should the scheme continued to receive positive response from the people. "We hope strict measures will be taken to ensure that the financial aid is given only to deserving cases," he said, adding that applicants would be thoroughly screened by the Inland Revenue Board.

He said MyHome scheme was a win-win situation for the buyers and private developers involved in building the affordable dwellings. "While 10,000 first-time home buyers would receive incentives of up to RM30,000 per unit, the private housing developers would benefit from the cash flow. This would again boost the affordable housing industry in the country. We want more private developers to take part in developing low-cost houses under this project. Housebuyers do not have cause for worry as the ministry will ensure that the developers taking



part in the scheme are eligible and possess good track records."

The selection of housing developers will be conducted by the MyHome Project Selection Committee. Among the conditions for eligibility are that the applicants must be Malaysian citizens aged 18 and above and are buying their first home. It is limited to one unit per household. Applicants must have a household income of between RM3,000 and RM4,000 for MyHome1, while applicants for MyHome2 must have a household income of between RM4,001 and RM6,000. Houses under MyHome1 measuring 800 square feet are offered for between RM80,000 and RM120,000 in the peninsula; and between RM90,000 and RM120,000 in Sabah and Sarawak. MyHome2 home prices will range from RM120,001 to RM200,000 in the peninsula, and between RM120,001 and RM250,000 in Sabah and Sarawak. The units measure a minimum of 850 square feet.



PELAN TINDAKAN NBOS KOTA BELUD



Pekan Kota Belud yang bermakna Kubu Pertahanan di Atas Bukit, dikenali sebagai *Cowboy Town of the East* terletak di unjuran kaki Gunung Kinabalu dan dibatasi pantai indah Laut China Selatan, mempunyai penduduk seramai lebih kurang 8,392 orang pada 2010 yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Dusun, Bajau, Iranun, Cina, Ubian, Binadan dan Banjar. Penduduknya yang berbilang kaum, mampu bertutur bahasa tempatan seperti Bajau, Kadazandusun dan Iranun maka tidak hairanlah masyarakat Kota Belud telah sehati, mempamerkan unsur-unsur perpaduan, muhibah dan harmoni yang dapat menjadi model 1Malaysia.

Kedudukan Kota Belud yang strategik menjadikannya sebagai tempat persinggahan utama ke daerah-daerah lain di pantai barat utara Sabah seperti Kota Marudu, Pitas, Matunggong, Banggi dan Kudat dan memberi perkhidmatan bandar penduduk. Hal ini menyebabkan Pekan Kota Belud ini mengalami ruang yang terhad untuk berkembang serta kesesakan lalu lintas yang amat ketara setiap hari.

Kota Belud mempunyai beberapa ciri keunikan yang tersendiri. Salah satunya ialah Majlis Daerah merupakan yang pertama ditubuhkan di Sabah pada tahun 1952. Selain itu, Bandar Kota Belud merupakan tuan rumah bagi perayaan Pesta Tamu Besar yang akan mempamerkan kebudayaan dan adat resam yang berwarna-warni orang Kota Belud pada setiap tahun. Begitu juga dengan sambutan Hari Kaamatan (*Harvest Festival*) yang diadakan pada setiap tahun dan aktiviti Pasar Tamu yang besar setiap hari Ahad telah meletakkan Kota Belud terkenal di peringkat antarabangsa.

Menyedari keistimewaan dan keunikan dengan sumber yang ada, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, telah mengesyorkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) untuk mencari kaedah bagi membaik pulih dan memodenkan Bandar Kota Belud supaya semua aktiviti ekonomi, sosial, rekreasi, industri makanan dan hasil seni tangan pelbagai etnik yang unik dapat dikembangkan sebagai satu perniagaan maju untuk meningkatkan pendapatan penduduk bandar dan kawasan pedalaman.

Ekoran daripada itu, Datuk Abdul Rahman mencetuskan idea untuk melaksanakan pembaharuan semula bandar (*urban renewal*) melalui kaedah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ke atas Bandar Kota Belud yang alam persekitarannya agak suram dan tidak diselenggara dengan sempurna.

Prinsip-prinsip NBOS telah diketengahkan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat melalui projek-projek diluar kebiasaan, perkongsian pintar antara kerajaan dan swasta, pelaksanaan cepat, perimpak tinggi, kos yang minimum dan faedahnya dapat dinikmati oleh rakyat jelata.

Bermula 13 September 2013, lawatan tapak YBhg. Datuk Mohd Fadzil Mohd Khir, Mantan Ketua Pengarah JPBD dan perbincangan dari semasa ke semasa serta perkongsian pintar yang merentasi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan PBT. KPKT yang diterajui oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah; Jabatan Pengairan dan Saliran; Jabatan Kerja Raya Sabah; Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah Sabah; Polis Diraja Malaysia; Pejabat Daerah dan Majlis Daerah Kota Belud dalam beberapa minggu telah dapat menyiapkan Pelan Tindakan NBOS Kota Belud.

Pada Disember 2013, satu kaji selidik telah dijalankan oleh KPKT dan Majlis Daerah Kota Belud untuk mendapatkan maklum balas daripada penduduk tempatan terhadap inisiatif untuk Kota Belud bertukar wajah. Hasil kaji selidik mendapati, 85 peratus penduduk bandar bersetuju dan menerima cadangan projek penambahbaikan Kota Belud di bawah Program NBOS.

Pelan Tindakan Kota Belud yang julung kali disediakan di peringkat bandar di Malaysia secara bersepadu, akan menyediakan rangka pelaksanaan projek-



projek pembaharuan semula terutamanya di kawasan sekitar Pasar Tani dan Padang Pekan Kota Belud. Pelan tindakan ini merangkumi 21 projek akan dilaksanakan dalam tahun 2014 sehingga 2016 dengan anggaran peruntukan sebanyak RM39.2 juta.

11 daripada 21 projek ini merupakan projek yang akan dilaksanakan serta-merta (*Quick Win*) dan disiapkan dalam tahun 2014 dan akan menelan belanja sebanyak RM7.47 juta. Senarai projek adalah seperti yang berikut:

- i. Menaik taraf sistem perparitan bandar di Kompleks Centenary dan Pasar Tani;
- ii. Menaik taraf atau turap semula jalan dengan menyediakan tempat letak kereta baru, mengecat semula petak letak kereta dan membina lintasan pejalan kaki dan redaan trafik;
- iii. Menaik taraf tandas awam di Pasar Besar;
- iv. Bina baharu tandas awam di Padang Pekan;
- v. Menaik taraf Pasar Tamu (FAMA & JKT);
- vi. Menyediakan laluan pejalan kaki khusus;
- vii. Pencahayaan di sekitar Kompleks Centenary;
- viii. Membina tempat motosikal berkunci di Majlis Daerah Kota Belud;
- ix. Menaik taraf Padang Pekan;
- x. Menaik taraf mercu tanda Kota Belud; dan
- xi. Penyediaan 200 buah tong sampah.

Manakala pelaksanaan jangka panjang yang bermula dari tahun 2014 hingga 2016 akan merangkumi projek seperti yang berikut:

- i. Membina bazar rakyat bertingkat;
- ii. Naik taraf terminal bas sedia ada kepada terminal bas bersepadu;
- iii. Naik taraf Sungai Gurung-Gurung oleh JPS;
- iv. Pembinaan jalan lencongan;
- v. Membina tempat letak kenderaan bertingkat;
- vi. Naik taraf arked Kota Belud;
- vii. Naik taraf 'vista point';
- viii. Pelan landskap persisiran Sungai Gurung-Gurung Bersepadu;
- ix. Mengkaji sistem aliran trafik bandar; dan
- x. Cat semula bangunan lusuh oleh pemilik kedai



Freewifi@kotabelud akan membolehkan penduduk Kota Belud berkomunikasi pantas, meningkat akses kepada maklumat-maklumat terkini dan peluang-peluang ekonomi yang memajukan masyarakat kawasan ini menerusi Wifi percuma.

The highlights of NBOS Kota Belud adalah pembinaan Bazaar Rakyat tiga (3) tingkat dan menaik taraf Padang Pekan. Bazaar Rakyat akan dibina di atas tapak Pasar Tani sedia ada, menempatkan semula secara berpusat gerai-gerai pasar tani, pasar malam, gerai-gerai kecil yang berselerak, menyediakan lebih banyak petak letak kereta untuk memudahkan warga Kota Belud berurusan, di samping menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas.

Padang Pekan sinonim dengan penduduk Kota Belud juga akan dinaiktaraf dan berfungsi sebagai kawasan lapang, pusat rekreasi dan tumpuan aktiviti bandar. Padang Pekan akan dinaik taraf dengan reka bentuk budaya tempatan untuk kegunaan pelbagai fungsi terutamanya yang tidak menjejaskan perayaan Pesta Tamu Besar dan kuda berhias Kota Belud.

Di samping itu, KPKT dan Jabatan Pengairan dan Saliran Persekutuan dan negeri Sabah sedang berusaha untuk mendapat peruntukan sebanyak RM20 juta dari Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk menaik taraf Sungai Gurung-Gurung yang akan dilaksanakan pada tahun 2014 sehingga 2016 bagi menangani masalah banjir yang kerap berlaku di Bandar Kota Belud. Masalah kesesakan lalu-lintas juga ditangani dengan mengenal pasti beberapa cadangan jalan alternatif lencongan trafik.

Pelaksanaan projek ini akan memberi faedah dan manfaat kepada 91 ribu penduduk setempat dan kawasan sekitar di mana Pelan Tindakan Kota Belud merangkumi semua aspek kemudahan, ekonomi dan sosial.

YB Menteri telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Pelan Tindakan NBOS Kota Belud yang diadakan di Pekan Kota Belud pada 11 Januari 2014. Majlis pelancaran ini merupakan satu pendedahan kepada seluruh penduduk Kota Belud berkenaan dengan inisiatif Kerajaan ke arah visi untuk menjadi sebuah negara maju, berpendapatan tinggi (*high-income*) dan bahagia (*happy*) serta harmoni dalam semua aspek melalui NBOS.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YB Jermmy Malajad@Ukoh, Ahli Dewan Undangan Negeri Kedamaian; YB. Datuk Dr. Joachim Gunsalam serta beberapa pegawai kanan KPKT, Kerajaan Negeri Sabah dan dif-dif kehormat yang lain.

Majlis ini telah dijayakan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak antaranya Kerajaan Negeri Sabah, Majlis Daerah Kota Belud, warga Kota Belud dan sukarelawan belia 1M4U (*1Malaysia For Youth*).



SKIM MYHOME TAWAR INSENTIF RM30,000 BIAYA RUMAH PERTAMA

Latar Belakang

Skim *MyHome* ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2013. Skim ini merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik. Skim ini menawarkan insentif sehingga RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Pada tahun 2014, Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara.

Kriteria-Kriteria Asas

Rumah-rumah yang dibina di bawah Skim *MyHome* dilengkapi dengan tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air. Projek di bawah Skim *MyHome* perlu disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti tempat letak kenderaan, dewan, surau dan taman permainan. Ciri-ciri rumah mampu milik di bawah Skim *MyHome* adalah seperti yang berikut:

iii. Kriteria Kelayakan Pembeli

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 18 tahun ke atas.
- Pembelian rumah pertama.
- Permohonan satu (1) unit rumah kepada setiap isi rumah.
- Pendapatan isi rumah :
 - MyHome 1* : RM3,000 - RM 4,000
 - MyHome 2* : RM4,001 - RM6,000

Moratorium

Tempoh moratorium dikenakan selama 10 tahun, dikira bermula selepas Surat Perjanjian Jual Beli ditandatangani. Syarat moratorium dimasukkan ke dalam surat tawaran kepada pembeli, Surat Perjanjian Jual Beli dan dokumen hakmilik tanah (di bawah sekatan kepentingan). Walau bagaimanapun, pindah milik/jualan kepada ahli keluarga terdekat seperti suami/isteri/anak adalah dibenarkan.

Kategori	Harga Pasaran/Jualan (RM)	Harga Sebenar Pembeli (RM)	Keluasan Minimum (kps)	Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)
MyHome1	80,000-120,000	50,000-90,000	800	3,000-4,000
MyHome1 Sabah & Sarawak	90,000-120,000	60,000-90,000	800	3,000-4,000
MyHome2	120,001-200,000	90,001-170,000	850	4,001-6,000
MyHome2 Sabah & Sarawak	120,001-250,000	90,001-220,000	850	4,001-6,000



Kaedah Pemilihan Projek Skim *MyHome*

i. Kriteria Kelayakan Pemaju

- Syarikat yang sah ditubuhkan dan diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia.
- Setiap pemaju dihadkan untuk menerima insentif tidak melebihi 1,000 unit dalam satu pemajuan projek.
- Projek diluluskan pada tahun 2014 atau sebelumnya layak memohon.
- Keutamaan diberikan kepada pemaju perumahan swasta.
- Projek dilaksanakan di atas tanah milik swasta.
- Projek perumahan berlesen yang mendapat kelulusan kebenaran merancang dan Pelan Bangunan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

ii. Kriteria Pemilihan Asas Projek

- Pemilihan lokasi projek yang strategik.
- Projek berdaya maju dan kebolehlaksanaan (*feasibility*).
- Menepati permintaan dan keperluan rumah di lokasi yang dipohon.
- Mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh.



Cara Memohon

Orang awam boleh mengemukakan permohonan melalui aplikasi dalam talian (*online*) dengan mengakses URL <http://ehome.kpkt.gov.my> atau memuat turun borang di laman web Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT di <http://ehome.kpkt.gov.my>.

Orang awam juga boleh membuat permohonan dengan mengisi borang permohonan secara manual. Borang tersebut boleh didapati di Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Kaunter Setempat KPKT. Borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Perumahan Negara, KPKT.

TINJAUAN PENDAPAT PERMOHON SKIM *MYHOME*

Pada 1 April 2014, KPKT telah melancarkan Skim *MyHome* yang mana borang permohonan mula diagihkan kepada orang awam secara manual dan dalam talian. Sehingga jam 5.30 petang (1 April 2014), sebanyak 1,020 permohonan skim *MyHome* diterima secara dalam talian dan 478 pemohon telah datang untuk mendapatkan borang permohonan di Kaunter Setempat KPKT. Daripada jumlah yang tersebut, sebanyak 50 permohonan lengkap telah diserahkan kepada JPN pada hari yang sama. Dikesempatan itu, pihak Kementerian telah membuat tinjauan pendapat beberapa orang awam mengenai skim ini.

Encik Rais Rusli, 27 tahun, telah berkahwin dan mempunyai tiga (3) orang anak, pekerja swasta dan kini tinggal menyewa di Sungai Buloh.

Melalui info daripada rakan dan internet, saya terus datang ke KPKT bagi mendapat keterangan lanjut daripada pegawai KPKT. Skim ini untuk cukup bagus bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan insentif RM30,000 adalah mencukupi.

Puan Fauziah Ahmad Fadzil, 33, penjawat awam, sudah berkahwin dan kini tinggal bersama keluarga.

Saya mendapat maklumat mengenai Skim *MyHome* ini melalui pengumuman oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan di kaca televisyen. Saya datang ke KPKT hari ini untuk mendapat keterangan lanjut mengenai skim ini. Pada pendapat saya, skim ini bagus untuk golongan pelaksana dan peluang begini patut direbut. Kini yang penting adalah tempat perlindungan.

Encik Mohd Farhan Aziri, 26, penjawat badan berkanun dan masih bujang.

Pada pendapat saya, insentif RM30,000 yang ditawarkan masih tidak mencukupi memandangkan kos sara hidup yang tinggi di bandar-bandar besar. Malahan harga rumah di bandar-bandar dan pinggir bandar adalah jauh berbeza. Saya ingin mencadangkan agar nilai insentif yang relevan adalah berdasarkan harga rumah semasa kerana harga rumah berbeza-beza mengikut lokasi walaupun jenisnya sama.

"Sambutan umum terhadap *MyHome* amat memberangsangkan. Terkini, sebanyak 37,000 permohonan individu telah diterima menerusi Internet, manakala 49 pemaju perumahan telah menunjukkan minat untuk menyertai program ini. Sebanyak lima (5) pemaju perumahan pula telah mengemukakan permohonan rasmi, membabitkan kira-kira 2,580 unit rumah di seluruh negara."

Datuk Abdul Rahman Dahlan
24 April 2014



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN PENYEDIAAN RUMAH MAMPU MILIK

Selaras dengan sasaran Kerajaan untuk membina 1 juta unit rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun (2013-2017), KPKT telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Penyediaan Rumah Mampu Milik JPP-RMM yang dipengerusikan oleh YB Menteri bagi memantau pencapaian sasaran tersebut. Mesyuarat dianggotai oleh agensi-agensi pusat, kerajaan-kerajaan negeri, Jabatan Perumahan Negara (JPN), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Mesyuarat JPP-RMM telah diadakan pada 11 Februari 2014. Berikutan dengan penubuhan Majlis Perumahan Negara (MPN) dalam Bajet 2014, JPP-RMM telah dinaik taraf kepada Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) dan turut dianggotai oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA) dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sabah (SHAREDAS).



Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-67 telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri, diadakan pada 4 Mac 2014 bertempat di Dewan Persidangan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua wakil Kerajaan Negeri serta Kementerian dan agensi pusat yang berkaitan.

Fungsi mesyuarat MNKT adalah sebagai forum perundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membentuk dasar untuk memaju, membangun dan mengawal Kerajaan Tempatan. Ini adalah selaras dengan Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah memberi kuasa kepada Parlimen untuk menentukan persamaan undang-undang dan dasar mengenai Kerajaan Tempatan. Perkara 95 (A) Perlembagaan Persekutuan juga turut menetapkan agar mesyuarat MNKT diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun. MNKT ke-67 telah mempertimbangkan tiga (3) kertas kerja dan lima (5) kertas makluman iaitu:



MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-67

TAJUK KERTAS	AGENSI
Kertas Kerja	
i. Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan;	KPKT
ii. Cadangan Penguatkuasaan Pengesahan Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) dalam Iklan di Tempat Awam; dan	Dewan Bahasa dan Pustaka
iii. Cadangan Tatacara Operasi Standard (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT.	KPKT
Kertas Makluman	
i Tindakan Pencegahan dan Kawalan Bagi Membendung Peningkatan Kes dan Kematian Demam Denggi;	Kementerian Kesihatan Malaysia
ii Memantapkan Urusan Pengeluaran Permit Pembinaan Melalui One Stop Centre 3.0;	KPKT
iii Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti;	KPKT
iv Malaysia Dalam Laporan Bank Dunia 2014; dan	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
v Status Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) Bagi 13 April 2007 sehingga 31 Disember 2013	KPKT

JPP MULAKAN TUGAS MEI INI

Selepas mempengerusikan Mesyuarat MNKT-67, Timbalan Perdana Menteri dalam satu sidang media memaklumkan bahawa Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) akan memulakan tugas rasmi mereka pada Mei 2014.

Penubuhan JPP adalah merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan transformasi pengurusan bandar memandangkan pada masa ini hampir 70 peratus penduduk negara ini tinggal di bandar. Sehubungan itu, JPP yang ditubuhkan akan menjadi platform penyaluran isu dan masalah yang melibatkan penduduk bandar untuk dibawa ke pengetahuan PBT dengan segera.


Penubuhan JPP melibatkan 148 PBT kecuali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Lembaga Bandaran Johor Tenggara dan Lembaga Kemajuan Tioman. Penubuhan JPP adalah mengikut zon iaitu maksimum 24 zon bagi setiap kawasan PBT.

Peranan dan fungsi JPP

- Menyampaikan maklumat kepada penduduk setempat berhubung dasar, undang-undang, garis panduan, peraturan, inisiatif, program dan aktiviti pihak berkuasa;
- Mewujudkan perpaduan di kalangan penduduk bandar melalui penyertaan aktif penduduk dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan (*self-help*);
- Bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi mengawasi keselamatan kawasan kejiranan;
- Membantu pihak berkuasa dalam menangani isu-isu berkaitan kebersihan, kesihatan dan alam sekitar;
- Membantu pihak berkuasa dalam merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan projek-projek infrastruktur, kemudahan awam dan sosioekonomi bandar; dan
- Menyalurkan maklumat, maklum balas, aduan, masalah, permintaan atau keperluan penduduk dari peringkat akar umbi kepada PBT dan KPKT bagi menambahkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Keanggotaan JPP

Keanggotaan JPP ini melibatkan 10 orang yang terdiri daripada seorang pengerusi, seorang setiausaha dan lapan (8) orang ahli jawatankuasa. Kesemua lantikan akan dilakukan oleh KPKT.



Pelantikan JPP akan berkuatkuasa selama dua (2) tahun dan boleh disambung dua (2) tahun lagi atau dua (2) penggal. Maksimum mereka boleh memegang jawatan dalam JPP adalah selama dua (2) penggal atau empat (4) tahun.

Elaun Bulanan

Peruntukan dan pemberian elaun bulanan kepada anggota JPP akan melibatkan kos sebanyak RM63 juta setahun. Elaun bulanan yang akan diberikan kepada pengerusi dan setiausaha adalah seperti yang berikut:

Jawatan/Peringkat	Jumlah Elaun Sebulan	
	Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Pengerusi	RM 800.00	RM 500.00
Setiausaha	RM 400.00	RM 250.00

Ahli Jawatankuasa yang lain akan menerima elaun sebanyak RM75 setiap kali menghadiri mesyuarat termasuk juga pengerusi dan juga setiausaha. Elaun Ahli JPP adalah berdasarkan bilangan mesyuarat yang dihadiri tertakluk maksimum enam (6) kali setahun.

TERMINAL SEJAHTERA SLIM RIVER SEDIA KEMUDAHAN PEMBELAJARAN ANAK-ANAK KELUARGA BERPENDAPATAN RENDAH

YB Timbalan Menteri daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique telah menyempurnakan Majlis Perasmian Terminal Sejahtera Slim River, Perak pada 15 Mac 2014. Terminal Sejahtera ini yang berfungsi sebagai pusat kemudahan pembelajaran sendiri secara dalam talian di luar waktu persekolahan khususnya kepada anak-anak dari golongan keluarga yang berpendapatan rendah. Ini merupakan satu lagi inisiatif murni Kerajaan di Slim River yang mana peruntukan disediakan oleh KPKT dan dipertanggungjawabkan kepada Majlis Daerah Tanjong Malim untuk menguruskannya.

Dalam ucapan YB Datuk Halimah, beliau memaklumkan bahawa Majlis Daerah Tanjong Malim merupakan salah sebuah PBT yang telah terpilih bagi melaksanakan program Terminal Sejahtera daripada 19 PBT. Pemilihan Majlis Daerah Tanjong Malim adalah mengambil kira bahawa terdapat ramai golongan yang berpendapatan rendah yang anak-anak mereka perlu diberi bantuan dan bimbingan dalam bidang akademik. YB Timbalan Menteri turut mengharapkan

dengan adanya Terminal Sejahtera ini, akan dapat membantu anak-anak disekitar Tanjong Malim dan Slim River untuk mengulangkaji pelajaran secara berkumpulan dan secara dalam talian selain membantu para pelajar meningkatkan prestasi pembelajaran melalui penyediaan tuisyen dalam talian dan bilik tutorial yang kondusif untuk mereka belajar dengan menggunakan teknologi moden dan terkini.

Hadir sama pada majlis pelancaran ialah YB Dato' Shamsudin Abu Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna, Sumber Manusia dan Masyarakat Sivil (NGO); YB Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib, Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN Slim); YBhg. Datin Maziah Adnan, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; YBhg. Encik Mohd Zakuan Haji Zakaria, Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Perak; YBhg. Tuan Haji Wazir bin Mustafa, Pegawai Pendidikan Daerah Batang Padang; barisan Yang Dipertua dan Setiausaha PBT Negeri Perak; dan Ahli-Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanjong Malim



SOP SERAGAMKAN PENGURUSAN HAL EHWAL ANJING TERBIAR

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Oktober 2013 telah bersetuju dan meluluskan cadangan Tatacara Operasi Standard (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Situasi semasa bagi aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar mendapati bahawa;

- Aktiviti penangkapan, pengurangan dan pelupusan anjing terbiar adalah berbeza di PBT;
- Kaedah penangkapan yang digunakan di PBT dianggap penganiayaan kepada haiwan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO); dan
- Isu anjing terbiar sering kali dipaparkan di media massa.

Pelaksanaan SOP ini kelak akan melibatkan beberapa implikasi seperti yang berikut:

- Kewangan**
Pelaksanaan SOP ini akan memberikan implikasi kewangan ke atas PBT dalam menyediakan makanan anjing semasa pengurangan; ubat suntikan untuk pelupusan anjing; sangkar dan perangkap; dan *pound* anjing. Jumlah peruntukan tersebut adalah bergantung kepada beban kerja dan jumlah tangkapan anjing-anjing terbiar tersebut.
- Perjawatan**
Menggunakan perjawatan sedia ada di PBT.
- Perundangan**

Cadangan SOP ini tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang, akta atau peraturan-peraturan sedia ada yang sedang berkuat kuasa. SOP ini adalah selaras dan menyokong peruntukan undang-undang, akta dan peraturan-peraturan sedia ada.

Pelaksanaan SOP ini akan menggariskan dengan jelas perkara-perkara asas berhubung pengurusan hal ehwal anjing terbiar di PBT yang mana aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT adalah seragam, pengurusan anjing terbiar dapat dipertingkatkan dan dilaksanakan dengan lebih teratur tanpa penganiayaan kepada haiwan.



SPAH RELEVAN DIAPLIKASIKAN

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2014 di Banda Hilir pada 28 April 2014, memaklumkan bahawa sehingga kini hanya enam (6) negeri mewartakan pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS) sejak dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-65 pada Mac 2012. Negeri terbabit ialah Perak, Selangor, Johor, Melaka, Kelantan dan Perlis.

Baru-baru ini, negara kita dikejutkan dengan fenomena panas kemarau berpanjangan dan akibatnya beberapa negeri seperti Selangor dan Negeri Sembilan terpaksa melaksanakan catuan air kepada pengguna kerana kolam tadahan air telah merosot ke tahap yang kritikal. Keadaan ini memberi kesan terhadap rutin harian penduduk di kawasan terbabit kerana bergantung sepenuhnya kepada air bersih dari paip air.

Dengan penggunaan sistem SPAH ini, pengguna tidak perlu bergantung 100 peratus kepada bekalan air paip kerana air hujan boleh dikumpulkan walaupun pada musim kemarau. Hal ini dibuktikan melalui kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (Nahrim) yang mana 34 peratus air yang telah dirawat dapat diijmakan sekiranya SPAH dapat diaplikasikan dengan baik.



YB Datuk Halimah Mohamed Sadique dalam menjawab soalan dari Tan Sri Joseph Pairin Kitingan (BN- Keningau) pada 24 Mac 2014 mengenai pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) berhubung, lokasi dan juga jumlah peruntukan untuk projek-projek di dalam negara, memaklumkan bahawa:

- Kerajaan mempertimbang untuk memperluaskan pemasangan CCTV di bawah Program Bandar Selamat ke semua lokasi yang menjadi tumpuan penjenayah termasuk di kawasan pekan dan setinggan yang mempunyai ramai pendatang asing tanpa izin (PATI).
- Lokasi pemasangan CCTV ditentukan oleh polis berdasarkan kawasan hot spot jenayah yang meliputi tempat letak kenderaan, premis perniagaan dan tempat awam serta kawasan tumpuan pelancong.
- Sejak dilaksanakan pada 2009 sehingga sekarang, PBT dengan sokongan Kementerian telah memasang dan menyelenggara 1,143 unit CCTV menjadikan keseluruhan alat itu yang dipasang di seluruh negara sebanyak 1,639 unit. Setakat ini, Kementerian memasang 496 CCTV di 25 kawasan PBT di Semenanjung Malaysia dengan kos RM70 juta. Sebanyak 496 CCTV lagi akan dipasang di 25 kawasan PBT termasuk di Sabah dan Sarawak yang menelan kos RM81 juta dan dijangka siap November ini.



Sejak dilaksanakan pada 2009 sehingga sekarang, PBT dengan sokongan Kementerian telah memasang dan menyelenggara 1,143 unit CCTV menjadikan keseluruhan alat itu yang dipasang di seluruh negara sebanyak 1,639 unit

Datuk Halimah Mohamed Sadique



Perumahan di bawah Program MyHome tidak meminggirkan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) kerana terdapat terdapat unit dan kemudahan khusus untuk golongan tersebut

Datuk Abdul Rahman Dahlan



Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Datuk Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong) pada 25 Mac 2014 yang bertanyakan sama ada Kementerian bercadang untuk memberikan kuota kepada golongan ibu tunggal dalam pemberian bantuan kewangan di bawah Program MyHome, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan menjelaskan bahawa walaupun Kerajaan tidak menetapkan kuota golongan itu, status tersebut akan memberikan mereka kelebihan memiliki rumah dalam projek khas membantu golongan berpendapatan sederhana rendah itu.

Sekiranya layak dari segi pendapatan isi rumah, status ibu tunggal akan beri kelebihan kepada mereka. Bagi ibu tunggal yang kurang berkemampuan, mereka boleh memohon untuk mendapatkan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang disediakan khusus untuk golongan berpendapatan rendah.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Siti Zailah Mohd. Yusoff (PAS-Rantau Panjang) Abdul Rahman memberitahu, perumahan di bawah Program MyHome tidak meminggirkan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) kerana terdapat terdapat unit dan kemudahan khusus untuk golongan tersebut.

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Gobind Singh Deo di Parlimen 2 April 2014 mengenai pemaju perumahan yang mengabaikan projek-projek perumahan, YB Datuk Halimah memaklumkan bahawa pemaju perumahan yang berbuat demikian akan disenaraihitamkan dan tertakluk kepada hukuman lebih keras apabila pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan 1966 dikuatkuasakan pada bulan Jun. Selepas disenarai hitam, pemaju dan lembaga pengarah syarikat tidak boleh memohon dan memperbaharui lesen jualan dan permit iklan jualan.

Beliau menambah bahawa pemaju yang ingkar juga akan menghadapi hukuman lebih keras jika mereka diheret ke mahkamah dan disabitkan kesalahan. Siling bagi denda juga akan dinaikkan kepada RM500,000 berbanding RM200,000 sebelum ini. YB Datuk Halimah berkata nama-nama pemaju disenarai hitam akan disiarkan di laman web Kementerian.

Beliau juga memaklumkan bahawa dari 2009 hingga 28 Februari 2014, Kementerian telah mengisytiharkan 206 projek perumahan terbengkalai dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 149 projek telah dipulihkan semula, dengan 22,868 rumah dibina.



Kementerian telah mengisytiharkan 206 projek perumahan terbengkalai dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 149 projek telah dipulihkan semula, dengan 22,868 rumah dibina

Datuk Halimah Mohamed Sadique



Sejak dilaksanakan pada 2009 sehingga sekarang, PBT dengan sokongan Kementerian telah memasang dan menyelenggara 1,143 unit CCTV menjadikan keseluruhan alat itu yang dipasang di seluruh negara sebanyak 1,639 unit

Datuk Halimah Mohamed Sadique



Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Seri Syed Ibrahim Kader pada 28 April 2014 yang ingin tahu sama ada Kementerian telah mengubah dasar yang menyatakan pemaju perlu mempamerkan harga rumah yang dijual, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique memaklumkan bahawa KPKT sedang menambah baik peraturan periklanan perumahan bagi mengelak pembeli ditipu pemaju.

Antara perkara baharu yang diberi pertimbangan adalah melarang pengiklanan tawaran-tawaran yang tidak boleh dibuktikan secara sah oleh pemaju. Antara tambahan yang akan dibuat kepada peraturan sedia ada ialah pemaju tidak boleh memuatkan dalam iklan mengenai tawaran fi guaman percuma, pulangan keuntungan dan pendapatan daripada sewaan yang diunjurkan.

YB Timbalan Menteri turut memaklumkan bahawa pemaju juga tidak boleh menyatakan dakwaan berkenaan pemandangan panorama, jarak projek perumahan ke destinasi terkenal, tanda harga yang mengelirukan berkenaan nombor nominal bagi unit kos rendah atau apa-apa butiran tidak boleh buktikan secara sah. Beliau menegaskan bahawa ketika ini semua pemaju adalah tertakluk di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118) Peraturan 8(1) untuk perkara-perkara berkaitan iklan.

Beliau berkata sejak 2009 hingga Disember tahun lepas, sebanyak 816 kompaun telah dikeluarkan kepada pemaju perumahan yang melanggar peraturan-peraturan 8(1) berhubung pengiklanan perumahan. Mengikut akta ini, pemaju boleh dikompau sehingga RM20,000 dan Syarikat serta ahli Lembaga pengarahnya boleh disenarai hitam jika gagal menjelaskan kompaun atau melakukan kesalahan berulang.



SISTEM REL MELENGKAPI PERHUBUNGAN PENGANGKUTAN NEGARA

Oleh: Mohd Syamsul Arief Mahbud
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Mengembalikan nostalgia from Taiping with love, terus memahat kenangan sepanjang zaman kepada Bandar Taiping yang berkembang hasil perlombongan bijih timah dan pengangkutan kereta api. Bijih timah adalah satu industri besar bagi Tanah Melayu bermula kurun ke-19. Pada ketika itu pemerintahan di bawah kuasa Inggeris telah memperkenalkan pengangkutan rel atau kereta api untuk mempercepatkan pengangkutan bijih timah dari kawasan perlombongan ke pelabuhan-pelabuhan di sepanjang pantai.

Pada tahun 1885, landasan kereta api pertama dari Taiping ke Kuala Sepetang (Port Weld) oleh Sir Hugh Low, Residen Perak yang kedua telah dibuka. Menjelang 1941, satu sistem jalan kereta api yang lengkap telah dibina di Tanah Melayu kecuali di Negeri Terengganu.



Kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 adalah titik perubahan besar kepada pembangunan negara. Berkat kebijaksanaan pemimpin tempatan membebaskan negara daripada cengkaman penjajah seterusnya mentadbir dengan cekap dan penuh bijaksana telah menjadikan Tanah Melayu atau kini dikenali sebagai Malaysia menjadi negara yang bertuah dan dirahmati.



Sebelum itu, tahukah anda bahawa suatu ketika dahulu Bandar George Town, Pulau Pinang pernah mempunyai sistem tram? Pada tahun 1890, terdapat sebelas biji tram berkuasa stim beroperasi di antara Jalan Air Terjun ke Jalan Ayer Itam, George Town. Namun, apabila syarikat operasi mengalami kerugian akibat kemelesetan ekonomi dunia, sistem tram ini telah dihentikan operasinya menjelang tahun 1922.

Kini, sistem rel telah berevolusi dengan pesatnya. Kereta api bukan satu-satunya mod pengangkutan rel yang ada di Malaysia. Sistem rel telah berkembang kepada komuter, sistem transit aliran ringan (LRT), monorail dan sistem landasan kereta api berkembar elektrik. Untuk tempoh tiga tahun akan datang pula melalui Greater KL/Klang Valley National Key Result Area (NKEA), sistem pengangkutan Mass Rapid Transit (MRT) akan beroperasi bagi menambahkan sistem pengangkutan awam negara.

Dengan adanya MRT ini, pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menganggarkan menjelang tahun 2020 sebanyak 50 peratus trip perjalanan warga kota akan menggunakan kenderaan awam berbanding hanya 17 peratus ketika ini.

Dokumen Rancangan Fizikal Negara (RFN) telah merangka dan merancang pembangunan fizikal Negara secara strategik termasuk rangkaian pengangkutan negara bersepadu. Dasar 29 RFN secara jelas menyatakan 'Satu sistem rel berkelajuan

tinggi (HST) bersepadu negara perlu diwujudkan bagi melengkapi rangkaian rel sedia ada'. Melalui dasar ini, penyediaan Pelan Induk Kereta Api Negara amat penting bagi menyepadukan rangkaian HSR dan sistem landasan kereta api berkembar elektrik yang meliputi pergerakan penumpang dan kargo.

Langkah seterusnya adalah mengenal pasti laluan yang diberi keutamaan bagi sistem HSR seperti laluan Kuala Lumpur-Singapura. Pelaksanaan HSR telah dikukuhkan lagi melalui satu kajian kebolehlaksanaan sistem HSR bagi Fasa 1B oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) seperti yang dilaporkan oleh media cetak pada 22 Februari 2013 yang lalu.

Menurut satu laporan antarabangsa yang dipetik daripada Utusan Malaysia, perkhidmatan HSR antara Kuala Lumpur-Singapura ini merupakan sebahagian daripada pembinaan rel berkelajuan tinggi yang menghubungkan antara Singapura dan Kunming, China dengan melintasi beberapa buah negara ASEAN termasuk Malaysia.

Impak ekonomi kepada projek HSR ini sangat besar kepada negara. Menurut Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), dianggarkan Pendapatan Negara Kasar (GNI) per kapita akan meningkat sebanyak RM6,223.8 serta sebanyak 28,700 peluang pekerjaan dapat disediakan menjelang tahun 2020 hasil daripada projek HRS ini. Seharusnya, untuk tempoh lima (5) tahun akan datang, melalui kerajaan yang memahami denyut nadi rakyat, akan lengkaplah satu sistem pengangkutan rel bersepadu di negara ini. Maka itu, kita akan duduk sama tinggi dengan Negara Jepun yang terkenal dengan 'The Shinkansen', TGV di Perancis dan ICE di Jerman, seterusnya, akan memastikan yang kita berada di landasan yang betul untuk masa depan yang gemilang.

Sumber gambar: <http://www.diarisifroggie.com> <http://atukblogger.blogspot.com> <http://www.mymrt.com.my>



FENOMENA *BUSKING* DI MALAYSIA

Perkataan "*busker*" berasal dari perkataan Sepanyol "*buscar*" yang bermakna 'untuk mencari', dalam bahasa yang mudah mencari nama dan kekayaan melalui bakat diri yang ada. Istilah "*busking*" pula membawa maksud mengadakan persembahan di tempat awam seperti bermain alat muzik, menyanyi, menari, bersajak dan sebagainya tanpa tempahan, kontrak dan bayaran. Sebaliknya, persembahan dibuat untuk orang ramai dan menerima tips penonton yang berasa terhibur dengan persembahan mereka.

Aktiviti *busking* telah lama wujud. Dokumen sejarah mencatatkan amalan orang-orang Roman memberi wang kepada buskers yang membuat persembahan yang dipercayai bermulanya pemberian tips kepada buskers. Lokasi-lokasi utama tertumpu di dataran-dataran pusat bandar dan jalan-jalan utama.

Pada masa kini, aktiviti *busking* tersebar luas di seluruh dunia. Antara lokasi yang terkenal dengan aktiviti ini ialah Central Park di New York City, Harajuku di Tokyo, Covent Garden di London, dan Darling Harbour di Sydney. Di lokasi-lokasi tersebut, aktiviti *busking* mendapat sambutan meluas dan diterima sebagai salah satu bentuk seni yang tersendiri. Malahan ianya menjadi tarikan utama pelancong ke bandar-bandar tersebut dan turut menyumbang kepada penjaan pendapatan dan pembangunan ekonomi setempat.

Perkembangan Aktiviti *Busking* di Malaysia

Di Malaysia, aktiviti *busking* bukanlah satu perkara baharu kerana ianya telah wujud dan bertapak sejak tahun 1980-an lagi. Sebagai contoh, aktiviti *busking* telah dijalankan di Pasar Seni, Kuala Lumpur dan beberapa orang artis terkenal di negara kita, bakat mereka dicungkil daripada aktiviti ini. Antaranya sifu Dato' M. Nasir, Papa Rock Ramli Sarip dan Koprata.

Aktiviti *busking* didapati terus berkembang di negara ini dan dianggarkan terdapat seramai lebih kurang

10,000 orang *buskers* di seluruh negara pada masa ini. Malahan pada ketika ini telah terdapat sebuah kelab yang ditubuhkan dikenali sebagai *Malaysian Buskers Club*. Dimaklumkan seramai 4,000 orang buskers telah berdaftar sebagai ahli kelab ini.

Oleh hal yang demikian, KPKT melihat *busking* sebagai aktiviti yang boleh dikembangkan secara sihat bagi mewujudkan suasana sejahtera di bandar. Setakat hari ini, tiada atau kurang platform yang sistematis dengan kemudahan yang lengkap diwujudkan kepada golongan buskers yang ingin mengadakan persembahan mereka terutamanya di kawasan bandar-bandar utama di negara ini.

Sehubungan itu, KPKT mengambil inisiatif untuk membantu golongan buskers dengan penganjuran *My Buskers Corner* yang mempunyai objektif seperti yang berikut:

- sebagai platform kepada warga tempatan khususnya golongan belia untuk mengembangkan bakat seni mereka secara langsung kepada masyarakat;
- memperkenalkan *My Buskers Corner* kepada warga seni di bandar sebagai salah satu bentuk platform seni baharu bagi mengembangkan seni mereka secara sistematik dan berkesan
- menguar-uarkan *My Buskers Corner* kepada masyarakat tempatan; dan

- membantu dalam menyumbang kepada pewujudan '*livable city*' di seluruh negara melalui aktiviti seni jalanan.



Berikut merupakan perancangan pelancaran *My Buskers Corner* di seluruh negara bagi sepanjang tahun 2014 dengan penglibatan dan sokongan daripada PBT yang berkenaan.

Bil.	Lokasi	PBT	Bil. Spot
1	Melaka	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	5
2	Kuantan,	Pahang Majlis Perbandaran Kuantan	1
3	Port Dickson, Negeri Sembilan	Majlis Perbandaran Port Dickson	3
4	Ipoh, Perak	Majlis Bandaraya Ipoh	1
5	Johor Bahru, Johor	Majlis Bandaraya Johor Bahru	3
6	Shah Alam, Selangor	Majlis Bandaraya Shah Alam	1
7	Petaling Jaya, Selangor	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1
8	Kuching, Sarawak	Dewan Bandaraya Kuching Utara	1
9	Kota Bahru, Kelantan	Majlis Perbandaran Kota Bahru	1
10	Kota Kinabalu, Sabah	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	1



MELAKA: MALAYSIA'S FIRST "BUSKERS CORNER"

What do top tourist attractions Central Park in New York City, Harajuku in Tokyo, Covent Garden in London, and Darling Harbour in Sydney have in common? All are prominent busking spots, where busking is widely celebrated as a distinct art form.

To "add soul into cities", the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government in collaboration with the Malaysian Buskers Club and respective local councils, will establish "Malaysian Busker Corners" across the nation. These "Buskers Corners" are aimed to provide a platform for buskers or street performers to exhibit their talents to a public audience, and to promote busking as a healthy culture and form of art.

Busking makes for casual and relaxed entertainment at minimal cost, and is able to easily attract an audience, especially a younger crowd. The Ministry seeks to establish 19 Buskers Corners across 10 major cities in, Malaysia - Malacca, Kuantan, Port Dickson, Ipoh, Johor Bahru, Shah Alam, Petaling Jaya, Kuching, Kota Kinabalu and Kota Bharu - in 2014.

Malaysia's first "Buskers Corner" will be established in UNESCO World Heritage City, Malacca, with the cooperation of the Malacca Historical City Council. The Minister of Urban Wellbeing, Housing and



Local Government, Datuk Abd Rahman Dahlan, has launched this pilot project on Sunday, 2 February 2014. This event is graced with the presence of Chief Minister of Malacca, Chief Secretary to the ministry, the ministry Heads of State and Government of Malacca. The Ministry hopes the establishment of a "My Buskers Corner" in Malacca will further enhance the city as a top tourist destination in Malaysia.

In the Government's commitment to safeguard the wellbeing of communities and Malaysian society at large, the creation of public spaces belonging to the people, such as "Buskers Corners", will simultaneously contribute towards efforts to create livable cities. Furthermore, the creation of "My Buskers Corners" is an ideal opportunity to celebrate diversity of cultures and talents to showcase to tourists to the country in Visit Malaysia Year 2014.

BUSKERS CORNER SEMARAK KECERIAAN PORT DICKSON



mengadakan persembahan mereka terutamanya di kawasan bandarbandar utama di negara ini.

Pembangunan *My Buskers Corner* oleh KPKT di lokasi kondusif tumpuan orang ramai dengan objektif:

- Platform kepada warga tempatan khususnya golongan belia untuk mengembangkan bakat seni mereka secara langsung kepada masyarakat;
- Memperkenalkan *Buskers Corner* kepada warga seni di bandar sebagai salah satu bentuk platform seni baharu bagi mengembangkan seni mereka secara sistematik dan berkesan;
- Mewar-warkan Program *Buskers Corner* kepada masyarakat tempatan oleh KPKT; dan
- Membantu dalam menyumbang kepada pewujudan 'livable city' di seluruh negara melalui aktiviti seni jalanan.



Pantai tersohor Port Dickson tidak ketinggalan untuk dibangunkan sebagai salah satu tapak untuk aktiviti *busking* oleh KPKT. Pantai Batu 4 telah dipilih sebagai *Buskers Corner* dan pelancaran majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri, Datuk Halimah Mohamed Sadique pada 8 Mac 2014.

Selain daripada Pantai Batu 4, kawasan pantai lain yang akan diwujudkan *Buskers Corner* di Negeri Sembilan adalah di Pantai Bagan Pinang dan Port Dickson *Waterfront*. Aktiviti *Busking* dilihat oleh KPKT sebagai aktiviti yang boleh dikembangkan secara sihat bagi mewujudkan suasana sejahtera di bandar atau tumpuan orang ramai.

Setakat hari ini, tiada atau kurang platform yang sistematik dengan kemudahan yang lengkap diwujudkan kepada golongan buskers yang ingin

Majlis pada malam ini diserikan dengan kehadiran YB Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ketua-Ketua Jabatan KPKT dan SUK Negeri Sembilan.



LANDSKAP MAMPAN, BANDAR SEJAHTERA

Kerajaan telah mengisytiharkan 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Landskap Negara (HLN). Ini adalah bersempena dengan tarikh pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997 dan YAB Perdana Menteri semasa pelancaran kempen tersebut mencadangkan supaya diadakan satu hari khusus untuk setiap orang mengadakan aktiviti penanaman pokok bagi pengindahan negara.

Tujuan utama HLN diadakan ialah untuk meningkatkan aktiviti perlandskap dan kualiti pembangunan landskap negara dengan mewujudkan kesedaran, minat dan pengetahuan di kalangan semua pihak terhadap landskap dan seni taman. HLN juga akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha landskap untuk mempromosi tanaman, produk dan perkhidmatan mereka. Selain itu, sambutan ini juga boleh menjadi salah satu daya tarikan pelancong dengan adanya pelbagai aktiviti menarik.

Sambutan Hari Landskap Negara 2014 telah diadakan bermula pada 1 hingga 3 Mac 2014 bertempat di Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu Sabah. Lokasi taman awam ini terletak di Pusat Bandaraya Kota Kinabalu yang dihubungkan oleh Jalan Tun Fuad Stephen.

Majlis Pelancaran Sambutan Hari Landskap 2014 telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman pada 3 Mac 2014. YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengiringi YAB Ketua Menteri di majlis tersebut.

Tema Sambutan Hari Landskap Negara 2014 ialah 'Landskap Mampan, Bandar Sejahtera'. Tema yang dipilih bagi acara tahunan ini membawa maksud:

- landskap perbandaran yang berkualiti serta bersistematik dalam mengintegrasikan karakter landskap yang berharmoni dengan persekitaran semulajadi bagi mewujudkan bandar yang sejahtera;
- mengerakkan aktiviti perlandskap di kalangan rakyat seluruh negara bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020; dan
- mempertingkatkan kesedaran dan penglibatan setiap lapisan masyarakat terhadap tumbuhan-tumbuhan dan landskap dalam arus pembangunan bandar.

Pewujudan bandar sejahtera melalui landskap dapat dipupuk dengan mencintai persekitaran yang indah dan bersih. Jika masyarakat tidak menghargai keindahan persekitaran dan tidak berbangga dengan keperluan landskap di kawasan bandar, konsep bagi mewujudkan bandar sejahtera melalui landskap ini tidak akan dapat dilakukan.

KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) menggalakkan setiap taman yang dibina di kawasan bandar mahupun di tempat awam yang lain menitik beratkan konsep landskap yang harmoni bagi mewujudkan lebih banyak taman-taman rekreasi.

Sambutan HLN 2014 yang disambut selama tiga (3) hari diisi dengan pelbagai aktiviti yang berkonsepkan landskap seperti yang berikut:

- Majlis Pelancaran Rakan Taman Awam Teluk Likas. Kumpulan ini akan mengerakkan acara gotong-royong dan aktiviti membersihkan kawasan taman secara sukarela;
- Acara menanam pokok juga akan dijalankan lanjutan daripada Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara;
- Pertandingan mewarna/melukis, melukis mural, gubahan bunga, fotografi dan karaoke;
- Ceramah landskap;
- Klinik landskap;
- Demonstrasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- Senamrobik @park;
- Mini konsert dan persembahan buskers; dan
- Pameran agensi kerajaan dan jualan produk landskap.

Sambutan HLN 2014 ini dijayakan KPKT melalui JLN dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, sekolah dan swasta. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Ketua Setiausaha KPKT, pegawai kanan KPKT, pegawai kanan Kerajaan Negeri Sabah, pihak swasta dan pemimpin masyarakat tempatan.



KPKT SASAR BINA 100 TAMAN BANDARAN MENJELANG 2020

Kerajaan pusat memperuntukkan RM3.5 juta untuk meneruskan Projek Fasa 2 Taman Awam Likas sehingga ke Muara Sungai Likas dan RM4 juta untuk membina Taman Awam Baharu di Batu 2 ½ Sandakan dan kedua-dua projek tersebut dijangka akan dimulakan pada tahun ini.

Hal tersebut diumumkan oleh YB Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan semasa Majlis Pelancaran Hari Landskap Negara 2014 yang diadakan pada 3 Mac 2014 bertempat di Taman Awam Likas, Kota Kinabalu, Sabah. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman.

Pembangunan Taman Awam Teluk Likas sebagai salah sebuah Taman Awam Bandaran bertujuan untuk menzahirkan betapa pentingnya sebuah Taman Awam Bandaran dalam kehidupan masyarakat bandar, iaitu sebagai akses untuk kemudahan rekreasi dan sebagai wadah untuk meningkatkan integrasi dikalangan masyarakat perbandaran itu sendiri selaras dengan Dasar Landskap Negara dan Dasar Kecergasan Kebangsaan. Ini juga selaras dengan komitmen Kerajaan untuk melaksanakan semua pelan tindakan di bawah Dasar Landskap Negara dengan penyataannya untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah 2020.

Bagi memastikan kesejahteraan penduduk bandar pada masa hadapan, secara ringkasnya KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) mensasarkan untuk membangunkan sekurang-kurangnya sebuah taman awam bertaraf Taman Bandaran bagi setiap bandar di negara ini menjelang tahun 2020. Ini bermakna, KPKT memerlukan peruntukan untuk membangunkan sekurang-kurangnya 100 lagi taman awam bertaraf Taman Bandaran. KPKT juga mensasarkan supaya persekitaran di 50 buah bandar dipertingkatkan melalui Pembangunan Landskap Perbandaran. Di samping itu, KPKT juga perlu berusaha untuk menaik taraf taman-taman kejiranan sedia ada dan meningkatkan persekitaran kehidupan sepanjang tempoh lima (5) tahun akan datang.



PELANCARAN RAKAN TAMAN

Bersempena dengan HLN 2014, satu lagi Rakan Taman telah berjaya dilancarkan. Rakan Taman (*Friends of Park / Neighbourhood Park*) merupakan program kesukarelaan bagi membantu kerajaan untuk menjaga dan memelihara kawasan Taman Rekreasi Awam. Rakan Taman berperanan untuk membantu PBT dalam menjaga, memelihara serta menyelenggara taman, yang mana tanggungjawab menyelenggara taman dapat dikongsi bersama oleh Rakan Taman dan PBT dengan pelaksanaan kerja-kerja rutin yang asas seperti membersihkan kawasan, memotong rumput dan lain-lain.



Inisiatif ini juga, dapat mengeratkan hubungan serta dapat menjalinkan muafakat sesebuah komuniti di samping memelihara persekitaran taman agar lebih selesa dan selamat. Program ini juga merupakan salah satu program transformasi sosial bagi mewujudkan masyarakat yang prihatin, bekerjasama dan dinamik.



KPKT TANGANI ISU TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA

Datuk Halimah Turun Padang

YB Timbalan Menteri, KPKT telah mengadakan lawatan kerja ke Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada 17 Januari 2014 bagi mendapatkan maklumat dan status terkini berhubung dengan perkembangan projek yang sedang dijalankan di taman persekutuan tersebut. Lawatan ini juga adalah untuk memberi gambaran yang lebih jelas kepada YB Timbalan Menteri berkaitan tentang halangan yang dihadapi oleh pihak JLN susulan daripada pelbagai isu yang dibangkitkan oleh pihak NGO dan pengguna taman melalui media sosial, akhbar dan e-mel. Antara lokasi yang terlibat sepanjang sesi lawatan tersebut ialah projek pembinaan pagar keselamatan, kawasan pembaikan cerun dan projek Naik Taraf Taman Lembah Kiara.

Datuk Abdul Rahman Bincang Bersemuka

Pada 27 Januari 2014, satu perjumpaan antara YB Datuk Abdul Rahman Dahlan dengan wakil komuniti *Trails Association of Kuala Lumpur and Selangor* (TRAKS) telah diadakan di Ibu Pejabat KPKT. Perjumpaan ini diadakan bertujuan bagi menyelesaikan kemelut pengguna basikal lasak yang diwakili oleh komuniti TRAKS berhubung dengan isu yang telah disiarkan dalam akhbar dan media sosial sehingga menimbulkan salah faham ke atas cadangan pembangunan yang sedang dijalankan oleh pihak JLN ke atas Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

JLN Anjur Sesi Bersama Pelanggan

JLN telah menganjurkan sesi bersama pelanggan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 22 Februari 2014 dan 15 Mac 2014 bertempat di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur bagi memberi penjelasan dan penerangan kepada penduduk dan pengguna taman berkenaan terhadap cadangan dan perancangan pembangunan di taman tersebut. Selain itu, sesi ini juga diadakan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai perkara-perkara sebenar yang dibangkitkan oleh pengguna taman dalam media-media sosial, web, blog dan akhbar tempatan.

Antara pihak yang dijemput untuk menyertai sesi ini ialah *Friends of Bukit Kiara* (FoBK), *Trails Association of Kuala Lumpur and Selangor* (TRAKS), *Malaysia Nature Society* (MNS), *Landskap Malaysia*, *Taman Tun Dr. Ismail Resident Association* (TTDI RA) dan *Global Environment Center* (GEC). Sesi ini telah berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Dianggarkan seramai 300 pengguna taman telah hadir ke sesi ini. Secara keseluruhannya, hasil pemerhatian mendapati bahawa maklum balas yang diberikan oleh pengunjung adalah tidak seimbang dan kurang adil kerana berlakunya provokasi melampau oleh segelintir ahli NGO iaitu FoBK dan TRAKS. Maklum balas melalui borang juga telah diprovokasi oleh pihak tersebut dan mengganggu pengunjung lain untuk memberi maklum balas.



LOJI INSINERATOR SELESAI MASALAH PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI PULAU LANGKAWI

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan telah mengadakan lawatan kerja ke Loji Insinerator Pulau Langkawi pada 22 Mac 2014. Lawatan kerja setengah hari itu dimulakan dengan meninjau kebersihan kawasan Pantai Cenang dan kemudiannya ke Loji Insinerator di Kampung Belanga Pecah. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat keadaan loji tersebut yang baru beroperasi sepenuhnya pada 6 Februari 2014. Lawatan turut disertai oleh Ahli Parlimen Langkawi dan Ahli Dewan Undangan Kuah.

KPKT dipertanggungjawabkan untuk membina insinerator di Pulau Langkawi ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal dan Alam Sekitar (JKMPSPAS) yang telah diadakan pada 21 Ogos 2006 yang mencadangkan supaya loji menggunakan teknologi tempatan dibina. Pada 3 Mac 2008, Syarikat XCN Technology (XCNT) telah dilantik sebagai kontraktor projek ini.

Loji insinerator ini telah direkabentuk mengguna pakai sistem 'Rotary Kiln' untuk pembakaran sisa pepejal sebanyak 100 tan sehari dengan penajaan tenaga sebanyak satu (1) megawatt. Namun buat masa ini, tenaga yang dihasilkan hanya untuk kegunaan dalaman loji sahaja. Loji ini terbahagi kepada empat (4) bahagian utama seperti yang berikut:

- Material Recovery Facility (Mechanical Sorting)
- Incineration Process (Combustion & Air Pollution Control)
- Power Generation
- Waste Water Treatment



Dengan beroperasinya loji insinerator di Pulau Langkawi ini, tapak pelupusan di Kampung Belanga Pecah akan dapat ditutup dengan selamat dan masalah pelupusan sisa pepejal tidak lagi timbul dan pencemaran alam sekitar dapat dikurangkan.

FACTS AND FIGURES

Currently, Langkawi produces 100 tonnes of solid waste per day which is disposed of by incineration, using local technology. The Incinerator in Langkawi is the largest of the four (4) incinerators built. The other three (3) are in Labuan, Pangkor and Cameron Highlands.

PELANCARAN KOMUNITI SEKSYEN 8 PRIMA, BANDAR BARU BANGI

PPSPPA telah dijemput untuk mengadakan pameran dan demostrasi komposting sempena Pelancaran Komuniti Seksyen 8 Prima, Bandar Baru Bangi, Selangor pada 1 Mac 2014. Program anjuran komuniti ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Sabiamad Abd. Ahad, Penaung Komuniti Seksyen 8 Prima. Pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam program ini. Antaranya ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Darus Syifa'.

KEMUDAHAN PEMROSESAN SEMULA SISA PEPEJAL PEMBINAAN YANG PERTAMA DI MALAYSIA

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan telah melawat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Lengai Sungai Kertas pada 6 Mac 2014. Lawatan tersebut turut disertai oleh Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak; dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Bahagian Dasar dan Pembangunan, Ybhg Datuk Yong Bun Fou.

Kemudahan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Lengai, Sungai Kertas, Gombak, Selangor ini merupakan projek di bawah Program NKEA *Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang* untuk menerima dan memproses semula sisa pepejal pembinaan dari kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Tapak yang dilengkapi dengan satu (1) unit *mobile Crusher*, satu (1) unit *Excavator*, satu (1) *system Conveyer*, satu (1) unit *backhoe* dan satu (1) unit *screener* ini dioperasikan oleh syarikat *Worldwide Landfill Sdn Bhd* dan berupaya memproses sebanyak 300 hingga 500 tan sisa pepejal pembinaan sehari. Kemudahan pemprosesan semula sisa pepejal pembinaan di sini merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia dan akan dijadikan sebagai projek perintis dan akan diperluaskan ke seluruh negara sekiranya terbukti sesuai.

CIDB melalui satu kajian yang dibuat melalui Lestari (UKM) dan FRIM pada 2005 telah mendapati janaan sisa pepejal pembinaan adalah 627 kg perkapita setahun dengan penduduk yang dianggarkan di Lembah Klang pada ketika itu seramai 2.5 juta, Lembah Klang dijangka akan menjana 1,567 tan setahun. Bagi DBKL yang mempunyai kepadatan penduduk 1,423,900, sisa buangan yang dijana sebanyak 892,785 tan setahun. Manakala maklumat dan tinjauan yang dijalankan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) pada tahun 2007, janaan sisa pepejal pembinaan di Kuala Lumpur adalah kira-kira 1.04 juta tan metrik setahun dan jumlah ini dijangka meningkat kepada 1.34 juta tan metrik setahun menjelang 2020.

JPSPN GIAT ANJUR TAKLIMAT PEMBINAAN LOJI WASTE TO ENERGY

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) sedang giat mengadakan siri-siri taklimat berkaitan cadangan pembinaan Loji *Waste to Energy* di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kuala Lumpur kepada orang ramai terutamanya penduduk yang tinggal berhampiran dengan cadangan lokasi projek tersebut. Taklimat-taklimat ini bertujuan menyampaikan maklumat yang tepat kepada orang awam dan sekali gus menjawab pertanyaan dan kerisauan di pihak mereka.

Siri-siri yang telah diadakan adalah seperti yang berikut:

Bil.	Audien	Tarikh
1.	UMNO Bahagian Kepong	15 Mac 2014
2.	Wakil Parti Gerakan, Jawatankuasa Penduduk dari Parlimen Batu dan Wakil Jawatankuasa Bertindak Kuala Lumpur Taknak Insinerator	27 Januari 2014
3.	Wakil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)	27 Januari 2014

Sepanjang sesi taklimat yang diadakan selain daripada pegawai daripada JPSPN yang memberikan penerangan, sesi ini turut disertai panel-panel jemputan seperti Prof. Dr. Mohd Rozainee dari Universiti Teknologi Malaysia, Dr. Muhd Noor Muhd Yunus dan Dr. Norasulwa dari Agensi Nuklear Malaysia.

PELANCARAN PERTANDINGAN KITAR SEMULA SEKOLAH-SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN



Pada 13 Februari 2014, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya telah berlangsung Majlis Pelancaran Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan anjuran PPSPPA. Majlis Pelancaran ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Noriah Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT.

PPSPPA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menganjurkan pertandingan ini bermula bulan April hingga Oktober 2014. Penganugerahannya akan diadakan pada 11 November 2014 sempena Hari Kitar Semula Peringkat Kebangsaan.



Semua maklumat penyertaan dan syarat penyertaan telah dimuat naik di laman web PPSPPA. Bagi menjayakan program ini, Bahagian Kitar Semula dan Kesedaran Awam dan semua pejabat negeri dan cawangan PPSPPA telah mengadakan taklimat kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing bagi menghebahkan kepada semua sekolah di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bermula bulan Mac 2014.

Terdapat dua (2) kategori pertandingan iaitu kategori luar bandar dan kategori bandar bagi sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia. Penilaian pencapaian aktiviti kitar semula 2014 ini akan ditentukan melalui kejayaan sekolah-sekolah yang berjaya mengumpul barangan kitar semula tertinggi melalui program bank kitar semula di sepanjang tahun 2014.



Majlis pelancaran ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan pertandingan kitar semula di antara sekolah-sekolah bagi memperkasakan serta menggalakkan aktiviti kitar semula agar menjadi budaya dalam kalangan generasi muda terutamanya para pelajar. Pertandingan kitar semula antara sekolah-sekolah ini juga merupakan satu usaha dan inisiatif pihak PPSPPA untuk memberi pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang telah melaksanakan aktiviti kitar semula dengan cemerlang. Di samping itu, pameran berkaitan kitar semula telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada mereka yang hadir.



PROGRAM KESEDARAN AWAM ANTI-LITTER SEMPERA TAHUN MELAWAT MALAYSIA

Buat julung kalinya, PPSPPA selaku agensi kerajaan yang bertanggungjawab bagi pemantauan kebersihan dengan kerjasama Sekretariat Tahun Melawat Malaysia 2014 telah menganjurkan Program Kesedaran Awam *Anti-Litter* Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 yang memberi fokus kepada sikap masyarakat yang suka membuang sampah dari kenderaan terutamanya kenderaan persendirian.

Majlis perasmian program ini disempurnakan oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique pada 19 Januari 2014 bertempat di Wangsa Walk, Kuala Lumpur. Penganjuran program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa penjagaan persekitaran dan amalan kebersihan adalah tanggungjawab bersama. Masalah pembuangan sampah dari kenderaan wajar diberi perhatian serius kerana sikap sebegini hanya memberi kesan negatif kepada tahap kebersihan di kawasan-kawasan tumpuan di Malaysia. YB Timbalan Menteri juga telah melepaskan skuad *Anti-Litter* yang telah mengedarkan pelekat *Anti-Litter* di Tol Sungai Besi dan Tol Jalan Duta.





TIMBALAN PERDANA MENTERI SERAH PPR SUNGAI MANILA

YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin Timbalan Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Penyerahan PPR Sungai Manila, Jalan Labuk kepada Kerajaan Negeri Sabah yang diwakili oleh YAB Datuk Panglima Haji Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah pada 1 Mac 2014. Turut mengiringi YAB Timbalan Perdana Menteri dan YAB Ketua Menteri Sabah ialah YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

PPR Sungai Manila ini telah dibina oleh KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) dengan kos RM121.7 juta di atas tanah milik Kerajaan yang berkeluasan 10.591 hektar yang merangkumi 1,000 unit rumah terdiri daripada 14 blok rumah pangsa lima (5) tingkat.

Penghuni PPR Jalan Sungai Manila off Jalan Labuk ini akan mendiami rumah yang berkeluasan 700 kaki persegi dengan tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dan satu (1) ruang tamu dan satu ruang dapur (unit tipikal). Hanya satu (1) ciri yang membezakan unit tipikal dengan unit Orang Kelainan Upaya (OKU) iaitu satu (1) bilik air bagi OKU. Kemudahan asas yang disediakan berkonsepkan komuniti harmoni iaitu reka bentuk rumah yang menarik, dewan serbaguna, tadika, pejabat pengurusan, taman permainan, kemudahan riadah, surau dan tempat letak kereta. PPR ini menempatkan golongan yang sangat memerlukan bantuan perumahan dan berpendapatan rendah seperti penghuni kawasan setinggan selama lebih 25 tahun, menumpang rumah orang lain melebihi 30 hingga 55 tahun, OKU dan ibu tunggal.

PPR yang selesai dan mempunyai fasiliti yang mencukupi ini dibina oleh kontraktor pembinaan ialah Tulangis Maju Sdn. Bhd. Projek ini telah dimulakan pembinaannya pada 26 Mac 2009 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Disember 2012.

PPR LINTAS SIBUGA SIAP DIBINA DENGAN KOS RM23.7 JUTA



YAB Datuk Seri Panglima Haji Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah telah merasmikan Majlis Penyerahan Projek PPR Lintas Sibuga pada 20 Januari 2014. Turut mengiringi beliau ialah YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Datuk Haji Mohd Noor, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah. Juga turut sama menghadiri majlis Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Datuk Mohamad Yusoff Ghazali, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara.

Projek PPR Lintas Sibuga ini dibina atas tanah seluas 9.9 ekar dengan kos projek bernilai RM23.7 juta merangkumi 500 unit rumah, terdiri daripada tujuh (7) blok rumah pangsa lima (5) tingkat dan lima (5) unit OKU. Projek ini juga turut menyediakan kemudahan-kemudahan seperti dewan serbaguna, tadika, surau serta taman permainan.



PPR SIMPANG PERDANA TAIPING PPR TERCANTIK

YAB Datuk Seri Diraja Dr Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Rakyat Simpang Perdana, Taiping Perak pada 20 Februari 2014. Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir di majlis tersebut Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara Datuk Mohamad Yusoff Ghazali.

PPR ini telah dimulakan pembinaannya pada 1 Jun 2011 dan diiktiraf siap sepenuhnya serta memiliki Perakuan Siap Menduduki (CPC) pada 30 Disember 2013. PPR Simpang Perdana diiktiraf oleh KPKT sebagai PPR yang tercantik di negara ini yang pernah dibina dan bakal menjadi penanda aras kepada pembinaan PPR yang lebih selesa kepada golongan berpendapatan rendah.

PPR ini menyediakan penempatan semula bagi golongan setinggan, penyediaan kemudahan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah termasuk golongan OKU dan ibu tunggal. Kadar sewa yang ditawarkan ialah sebanyak RM124.00 sebulan. Projek setinggi 13 tingkat ini membabitkan pembinaan 249 unit kediaman pangsapuri berkeluasan 700 kaki persegi bernilai RM28 juta dibina oleh kontraktor pembinaan Iliasco Corporation Sdn. Bhd. Projek ini turut menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti dewan serbaguna, tadika, perpustakaan, dewan serbaguna, kedai, taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta.

Bagi PPR di Perak, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tujuh (7) projek termasuk projek PPR Simpang Perdana ini melibatkan sebanyak 915 unit rumah. Butiran projek adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama Projek	Bilangan Unit Rumah
1.	PPR Kampar	29
2.	PPR Sungkai (KTM)	64
3.	PPR Batu Gajah (KTM)	9
4.	PPR Ipoh (KTM)	112
5.	PPR Tanjung Malim	45
6.	PPR Buntong, Ipoh	416
7.	PPR Simpang Perdana	240

KPKT merancang untuk membina dua (2) lagi projek PPR di negeri Perak iaitu:

Bil.	Nama Projek	Bilangan Unit Rumah
	PPR Kamunting, Taiping	300
	PPR Seri Iskandar, Perak Tengah	120



LAWATAN SUHAKAM KE STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL TAMAN BERINGIN KUALA LUMPUR

Pihak Suruhanjaya Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah melawat Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin Kuala Lumpur pada 15 Januari 2014. Lawatan ini turut dihadiri oleh En. Muhammad Zaini Hassan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknikal JPSPN dan pihak media. Tujuan lawatan ini adalah untuk memberikan maklumat dan gambaran yang jelas kepada pihak SUHAKAM berhubung dakwaan yang diterima oleh pihak mereka daripada pihak Jawatankuasa Bertindak Kuala Lumpur Taknak Insinerator yang membantah cadangan Kerajaan untuk membina Loji Sisa Kepada Tenaga (WtE) di stesen tersebut.



KUNJUNGAN DELEGASI CLEAN ASSOCIATION OF TOKYO 23

Delegasi *Clean Association of Tokyo 23* (CAT 23) telah berkunjung ke JPSPN bagi membincangkan pelaksanaan projek usahasama "*Partnership Building with Local Residents on Waste Management in Malaysia*" pada 9 Januari 2014. Kunjungan tersebut turut disertai oleh Pengerusi MSWME, Professor Agamuthu Pariatamby, Setiausaha MSWME, Dr. Fauziah Shahul Hamid serta Setiausaha Kedua Kedutaan Jepun, En. Takashima Hiroshi. Kedua-dua pihak telah berbincang mengenai projek berkaitan dan rangka kerja pelaksanaan projek tersebut kelak.



WEALTH OUT OF WASTE IN CAMPUS (WOWIC)

Pada 8 Mac 2014, PPSPPA telah dijemput untuk menyertai pameran di Perkarangan Kolej dan Dewan Kolej Rafflesia Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Alam anjuran Pusat Asasi UiTM Puncak Alam. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi, Prof Madya Dr. Rosli Sulaiman.

Program ini adalah salah satu usaha pihak UiTM dalam mendidik dan mempromosi amalan kitar semula dalam kalangan para pelajar dan warga kerja. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan melukis bagi kanak-kanak, persembahan video dan persembahan fikir barat. Di samping itu juga, terdapat beberapa gerai yang menjalankan jualan barangan terpakai (*bundle*) yang diuruskan oleh pihak pelajar sendiri.

Dianggarkan seramai 2,000 orang pelajar dan 100 orang warga kerja UiTM yang telah hadir ke program ini. Pameran PPSPPA telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan pelajar yang mengambil bahagian dalam kuiz kitar semula yang diadakan. Kesemuanya hadiah sebanyak lebih kurang 250 unit telah diberikan kepada yang berjaya menjawab soalan kuiz kitar semula termasuk t-shirt, beg kitar semula, magnet peti sejuk dan pelekat kereta.

Program yang sama juga berlangsung pada 27 Mac 2014 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mana program ini dianjurkan oleh Persatuan Geografi (PERGEO) dengan kerjasama Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, UPSI. Selain PPSPPA, antara agensi kerajaan yang turut menyertai program ini adalah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Jabatan Perikanan Malaysia.

Diharapkan melalui program-program seperti ini yang melibatkan Institusi Pengajian Tinggi dapat melahirkan generasi yang berpengetahuan dan dapat membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian mereka.



PPSPPA BANTU PUPUK KESEDARAN PEKERJA

Pada 5 Mac 2013, bertempat di Multipurpose Hall Alam Maritim Resource Berhad, PPSPPA telah dijemput untuk menyampaikan taklimat berkaitan Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan Kitar Semula di Malaysia sempena Program HSE Awareness Talk anjuran TH Alam Management Sdn Bhd. Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Fadzil Abd Rahim, Penolong Pengarah, Bahagian Kitar Semula dan Kesedaran Awam, PPSPPA. Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pekerja mengenai isu pengurusan sisa pepejal di Malaysia dan tanggungjawab serta peranan mereka dalam menjaga alam sekitar. Program ini telah dihadiri oleh kira-kira 150 orang warga kerja Alam Maritim Resources Berhad. Turut hadir program ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif Alam Maritim Resources Berhad, Datuk Azmi Ahmad.



KITAR SEMULA DI BELIA NEGARA DUSUN TUA

PPSPPA telah dijemput oleh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua, Hulu Langat, Selangor untuk menyampaikan taklimat berkaitan Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan Kitar Semula di Malaysia pada 17 Mac 2014. Taklimat yang telah disampaikan oleh Penolong Pengarah, Puan Nurfarhana Mohd Yusoff ini telah dihadiri oleh kira-kira 700 orang pelajar IKBN. Kempen Kitar Semula ini dijalankan dalam usaha institusi ini memantapkan Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Melalui perbincangan dengan pihak IKBN juga, kempen kitar semula ini diperluaskan pada masa depan dengan bekerjasama dari pihak PPSPPA.



HARI KITAR SEMULA SYARIKAT SIME DARBY PROPERTY

Rakan Korporat PPSPPA iaitu Sime Darby Property Berhad telah menjemput PPSPPA untuk mengadakan pameran dan demonstrasi komposting sempena Hari Kitar Semula Syarikat Sime Darby Property yang diadakan pada 28 Mac 2014 bertempat di Oasis Square, Ara Damansara. Program ini adalah selaras dengan visi syarikat tersebut untuk melahirkan masyarakat lestari di setiap komuniti yang telah dibina. Program yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Abd Wahab Miskan, Pengarah Urusan Sime Darby Property ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan dihadiri oleh kira-kira 600 warga Sime Darby. Antara acara-acara lain yang diadakan adalah Ceramah Kitar Semula oleh selebriti Yasmin Hani, Bengkel Kraf Kitar Semula serta Pertandingan Kitar Semula.



KPKT RAIH ANUGERAH AGENSI INDUK TERBAIK



Seperti tahun-tahun sebelumnya, KPKT sekali lagi berjaya menerima pengiktirafan sebagai portal bertaraf 5 bintang dalam Penilaian Laman Web/Portal Agensi Kerajaan (MGPWA) bagi tahun 2013. Jabatan-jabatan di bawah KPKT iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam juga berjaya mendapat pengiktirafan 5 bintang bagi laman web/portal masing-masing.

Sehubungan itu, KPKT dinobatkan sebagai penerima Anugerah Agensi Induk Terbaik dari segi peratusan daripada keseluruhan agensi yang dinilai. YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT telah hadir ke Majlis Penyampaian MGPWA 2013 pada 28 Mac 2014 di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menerima anugerah tersebut.

INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA: KOMPONEN PERUMAHAN CATAT PENINGKATAN TERTINGGI

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) telah dibangunkan untuk memberi gambaran mengenai tahap kesejahteraan rakyat Malaysia, dengan menggunakan 14 komponen ukuran dan salah satu komponen tersebut ialah perumahan. Berdasarkan Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013, prestasi IKRM untuk tahun 2000 sehingga tahun 2012 telah meningkat 25.4 mata atau 1.9 peratus setahun yang menunjukkan kualiti hidup rakyat Malaysia semakin meningkat.

Bagi tempoh yang sama semua indeks komponen telah meningkat. Indeks komponen pengangkutan dan perumahan mencapai peningkatan tertinggi dengan kedua-duanya mencatat 136.9 mata. Melalui strategi yang lebih agresif khususnya dalam penyediaan rumah mampu milik, indeks komponen perumahan mampu ditingkatkan lagi.

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2012, peratus isi rumah yang memiliki rumah di Malaysia adalah 74.5 peratus. Ini menunjukkan peluang untuk rakyat Malaysia memiliki rumah di Malaysia agak tinggi. Walau bagaimanapun, usaha untuk menyediakan rumah khususnya rumah mampu milik perlu dipertingkatkan, agar peratus pemilikan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia meningkat.



WORLD BANK'S DOING BUSINESS REPORT 2014: MALAYSIA LONJAK KE TANGGA KE-6

DOING BUSINESS REPORT 2014

TOP 10

- | | |
|------------------|----------------------|
| 1. Singapore | 6. MALAYSIA |
| 2. Hong Kong | 7. Republic of Korea |
| 3. New Zealand | 8. Georgia |
| 4. United States | 9. Norway |
| 5. Denmark | 10. United Kingdom |

Berdasarkan *World Bank's Doing Business Report 2014*, kedudukan Malaysia daripada 189 buah negara, telah meningkat daripada tangga ke-12 pada tahun 2013 kepada tangga ke-6 pada tahun 2014. Kedudukan ini telah melepasi sasaran yang ditetapkan, iaitu untuk berada dalam kelompok 10 negara paling berdaya saing menjelang tahun 2015.

lanya menunjukkan daya saing negara telah meningkat yang dipacu oleh persekitaran yang mesra peniaga dan

pelabur. Ini juga selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia, negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Salah satu indikator yang turut diukur dalam laporan tersebut adalah *Dealing With Construction Permits* yang meningkat dari tangga ke-96 pada tahun 2013 kepada tangga ke-43 pada tahun 2014 hasil daripada keberkesanan pelaksanaan *One Stop Centre* (OSC) di pihak berkuasa tempatan (PBT).

OSC versi 3.0 yang ditambahbaik dari versi OSC yang terdahulu akan mula dilaksanakan pada 1 Jun 2014 dan mampu membantu melonjakkan lagi kedudukan indikator *Dealing With Construction Permits*. OSC versi 3.0 ini digubal bersandarkan pandangan penggiat industri dan juga amalan pembinaan terbaik dunia.



BENGKEL I-PLAN: JPBD SEDIA TERIMA PAKAI SISTEM

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) telah menganjurkan Bengkel I-PLAN Bilangan 1/2004 bertempat di Hotel Regency, Ipoh, Perak pada 9 hingga 11 April 2014. Bengkel ini diadakan bertujuan:

- Untuk memberi penerangan dan kefahaman berkenaan Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu (I-PLAN) kepada semua pegawai PBT/OSC, JPBD Negeri dan Pejabat Projek/Bahagian-bahagian JPBD;
- Untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang peranan dan tanggungjawab serta keperluan PBT/OSC, JPBD Negeri, Pejabat Projek/Bahagian-bahagian JPBD dan
- Untuk mewujudkan persefahaman awal antara peserta mengenai pelaksanaan I-PLAN merangkumi persediaan agensi untuk menerima pakai sistem I-PLAN.

Seramai 66 orang peserta telah menghadiri bengkel ini dan setiap peserta memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi sepanjang bengkel berlangsung. Kesimpulannya, peserta-peserta bengkel ini telah berjaya menyenaraikan beberapa pandangan yang bernas, antaranya:

- Pengemaskinian data melalui *workstation* diutamakan berbanding dengan pengemaskinian secara dalam talian kerana ramai berpendapat ianya lebih *feasible* sekiranya talian jalur lebar untuk mencapai sistem I-PLAN mempunyai masalah/gangguan;
- Format dan jenis data yang seragam semasa proses pengumpulan data perlu diseragamkan;
- Beberapa jenis data tambahan yang disyor oleh setiap kumpulan ditolak kerana pihak MaCGI telah menetapkan JPBD hanya menumpu perhatian kepada aspek gunatanah dan tidak menduplikasi lain-lain jenis data;
- Jenis-jenis analisis yang disyor perlu dikajisemula dan dihadkan kepada maklumat yang hanya bergantung kepada data gunatanah; dan
- JPBD Negeri perlu memainkan peranan yang amat kritikal dalam proses pengumpulan data dan sejauh mana komitmen dapat diberi oleh JPBD Negeri perlu diberi perhatian.

BENGKEL PELAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL YANG KOMPREHENSIF, BERSEPADU DAN MAMPAN PPSPPA 2014 - 2020

Dalam usaha untuk memastikan segala perancangan program-program berkaitan pengurusan sisa pepejal dapat dirangka dengan baik, berkesan dan memenuhi keperluan pengurusan sisa pepejal masa kini, Bengkel Pelan Pengurusan Sisa Pepejal Yang Komprehensif Bersepadu dan Mampai PPSPPA 2014 - 2020 telah dianjurkan oleh PPSPPA. Bengkel ini telah dijalankan selama empat (4) hari bermula dari 17 hingga 20 Februari 2014 bertempat di PNB Ilham, Port Dickson Negeri Sembilan.

Bengkel ini telah dihadiri seramai 49 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Jabatan Alam Sekitar (JAS), *Malaysian Plastic Manufacturers Association* (MPMA), *Paper Muda Mills Sdn. Bhd.*, *Recycle Community*, serta syarikat konsesi.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA, YBhg. Datuk Ab Rahim Md Noor. Para peserta bengkel diberi taklimat berkaitan "*Overview of Management in Malaysia*" oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal), Ir Sanusi Awi untuk memberi pendedahan mengenai isu dan cabaran dalam pengurusan sisa pepejal di Malaysia. Selain daripada itu, wakil daripada Unit Perancang Ekonomi turut memberikan taklimat berkaitan "*Hala Tuju RMK-11*" dan "*Sustainable Production and Consumption*".

Keperluan bagi mewujudkan pelan ini adalah penting bagi memastikan segala perancangan program-program berkaitan pengurusan sisa pepejal dapat dirangka dengan baik, berkesan dan memenuhi keperluan pengurusan sisa pepejal masa kini supaya dapat dilaksanakan secara terancang dan sistematik.



MESYUARAT PENYEDIAAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2014

Selaras dengan visi KPPT, iaitu "Mewujudkan Persekitaran Hidup Yang Berkualiti dan Mampai Selaras Dengan Wawasan Negara", peranan KPPT dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat semakin penting khususnya selepas penyusunan semula Kabinet pada tahun lepas di mana aspek kesejahteraan bandar telah menjadi salah satu fungsi utama KPPT. Program dan aktiviti yang berimpak tinggi bagi meningkatkan kualiti hidup warga bandar khususnya, yang merupakan 70 peratus penduduk di negara ini menjadi agenda utama KPPT.

Sehubungan dengan itu, mesyuarat penyediaan SKT 2014 untuk KPPT telah diadakan pada 7 hingga 9 Januari 2014 bertempat di Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPPT, Dato' Seri Arpah Abdul Razak dan dihadiri oleh semua Ketua Jabatan dan Bahagian yang bertujuan untuk membincangkan status pelaksanaan program dan aktiviti untuk tahun 2013 serta perancangan untuk tahun 2014.





LAWATAN YB MENTERI KPKT KE MERS 999

Pada 16 Januari 2014, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan ke MERS 999, Annexe 2, Telekom Malaysia, Kuala Lumpur.

Lawatan tersebut dimulakan dengan taklimat dan seterusnya lawatan ke MERS 999 dan diakhiri dengan sidang media. Tujuan utama diadakan lawatan ialah untuk mengetahui dengan lebih dekat lagi pengoperasian MERS 999.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Sri Zamzamairani Mohd Isa, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Berhad; YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; YS Dato' Soiman Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat; Ir. Rozinah Anas, Pengarah Projek MERS 999; YS PPJB Sobberi Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat; serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



FACTS AND FIGURES

According to section 233 of Communications and Multimedia Act 1998, the maximum penalty for making false emergency call is RM50,000 fine and one year imprisonment.

TERIMA 500 PANGGILAN KEBAKARAN BELUKAR SETIAP HARI

Dalam satu kenyataan media bertarikh 11 Mac 2014, JBPM menggesa ahli masyarakat agar lebih prihatin terhadap situasi pembakaran terbuka dan belukar yang melanda negara pada masa tersebut. Hal ini adalah kerana pemantauan jabatan bagi tempoh 1 hingga 11 Mac 2014, mendapati sebanyak 7,202 kes panggilan kecemasan. Daripada jumlah tersebut, 6,463 (89.74 peratus) kes panggilan kebakaran dan 5,256 (87.32 peratus) melibatkan kebakaran belukar. Ini bermakna, lebih kurang 500 panggilan kebakaran belukar diterima setiap hari.

Oleh hal yang demikian, ketua-ketua masyarakat dan ketua-ketua institusi keagamaan serta institusi pendidikan digesa melakukan khidmat nasihat terhadap kesan negatif yang dihasilkan kepada indeks kualiti udara negara. Kerjasama semua pihak diperlukan untuk usaha-usaha pencegahan dan penguatkuasaan dapat dilakukan segera. Jabatan juga perlu memberikan perhatian terhadap panggilan kecemasan kebakaran struktur, kemalangan jalanraya dan lain-lain.



PENYERAHAN JENTERA BOMBA 2014

YB Datuk Halimah Mohd Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2014 pada 27 Januari 2014. Pada majlis tersebut, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menerima 100 unit tambahan Fire Rescue Tender (FRT), 10 unit Emergency Medical Retrieval Service (EMRS), 3 unit Water Tanker dan 3 unit ARIB.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM; YAS Dato' Mahadi Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi); YAS Dato' Haji Amer Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan); Pengurusan Tertinggi KPKT; Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri, Komandan-Komandan FRAM, Presiden MFPA, wakil Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Badan Bukan Kerajaan, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan serta warga JBPM negeri-negeri.

KHIDMAT BOMBA LEBIH CANGGIH



YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan menegaskan perkhidmatan kebombaan yang lebih canggih sekiranya sesebuah agensi Kerajaan bercadang untuk membina industri berskala besar seperti minyak dan gas di negara ini. Beliau berkata demikian selepas merasmikan Balai Bomba dan Penyelamat Kota Kinabatangan pada 19 April 2014.

Apabila wujud pembinaan yang melibatkan projek mega sekaligus ianya memerlukan kehadiran anggota bomba dan tapak sebuah balai bomba di situ yang

dapat membantu menghadapi sebarang kemungkinan melibatkan kebakaran dengan pantas. Ini penting agar kawasan perindustrian yang dibina turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuklah perkhidmatan kebombaan yang serba lengkap dan canggih.

YB Menteri turut memaklumkan pihak Kerajaan juga meluluskan dua (2) lagi Balai Bomba iaitu masing-masing di Beluran dan Kimanis yang menelan belanja pembinaan antara RM5 juta hingga RM7 juta.

Perangkaan JBPM khususnya di Negeri Sabah bagi tempoh Januari hingga Disember 2013 mendapati sebanyak 1,578 bilangan kebakaran telah dicatatkan dengan taksiran kerugian bernilai RM58.6 juta dan nilai harta yang Berjaya diselamatkan adalah sebanyak RM614.3 juta.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Mokhtar Radin; Ahli Dewan Undangan Negeri(ADUN) Kuamut, Masiung Bana; Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Dato'Wan Mohd Nor Haji Ibrahim.



PERBARISAN TAHUNAN 2014



Majlis Perbarisan Tahunan 2014 JBPM telah disempurnakan oleh YAS Dato'Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM di Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya pada 27 Januari 2014.

YAS Dato'Wan Mohd Nor Ibrahim telah melakukan pemeriksa kawalan kehormatan yang dianggotai 101 pegawai lain-lain pangkat yang diketuai oleh PgB Elyas Hussin. Bersempena majlis tersebut juga, YAS Ketua Pengarah telah menganugerahkan Bintang Jasa Bomba (BJB) kepada YBhg. Dato'Haji Badarudin Mat Isa, Mantan Ketua Pengarah JBPM; Pingat Ketua Pengarah kepada YBhg. Tuan M. Chelliah, mantan Penolong Pengarah Pembangunan; Pingat Cemerlang Bomba (PCB) kepada Encik Abdul Hadi Abdul Rahim; Penerbit Rancangan Bahagian Media (JAKIM); Encik Ally Iskandar Mohd Mardzi, Penerbit Eksekutif dan Pengacara TV3; dan Puan Hajah Zainah Haji Yusof, Timbalan Pengarah Radio Televisyen Malaysia (RTM). Turut menerima Sijil Penghargaan adalah 15 orang media cetak dan media elektronik kerana khidmat bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YAS Dato' Mahadi Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi); YAS Dato' Haji Amer Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan); Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri, Komandan-Komandan FRAM, Presiden MFPA, wakil Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). NGO's, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan serta warga JBPM daripada negeri-negeri.

BERDAFTARLAH!!!

PASAR TANI My Best Buy KPKT

Setiap Rabu • 1.00 Tengahari - 7.00 Malam

**Tempat Letak Kereta Terbuka KPKT,
Lingkar Gemilang 1,
Presint 4, Putrajaya.**

NBOS10
Membantu petani dan pengusaha

MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari

<http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau emel ke pro@kpkt.gov.my